

Penganjur harus peka sensitiviti masyarakat

BHARIAN
3/7/2015
MS 62

Lumut: Penganjur aktiviti atau program sosial dinasihatkan peka dan mengambil kira perkara yang menyentuh sensitiviti masyarakat bagi mengelakkan berlaku salah faham.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar negeri, Dr Abdul Aziz Bari, berkata ada beberapa perkara yang perlu ditekankan dengan pihak yang menganjurkan aktiviti, terutama yang membabitkan kerjasama kerajaan atau agensi kerajaan.

"Mungkin ada perkara yang perlu kita tekankan kembali dengan pihak berkenaan supaya akurat dan sedar dengan beberapa

perkara yang kita harus sensitif.

"Kalau tidak, dengan ada bahan seperti itu (aktiviti yang menyentuh sensitiviti masyarakat) ditularkan menjadi perkara tidak bagus," katanya pada sidang media selepas merasmikan seminar dan pembentangan pelan tindakan pembersihan pantai Perak di Pangkor, semalam.

Abdul Aziz mengulas mengenai Program Kejohanan Medalist Dancesport (MUDA) yang diadakan di sebuah hotel di Ipoh yang tular di Facebook memaparkan gambar wanita yang memenangi pertandingan itu berpakaian seksi serta video memaparkan me-



Abdul Aziz (duduk tengah) dan peserta seminar pelan tindakan pembersihan pantai Perak di Lumut, semalam.

[Foto Noor Hidayah Tanzii/BH]

reka menari.

Kain rentang program itu juga diletakkan logo dan nama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Abdul Aziz berkata, pihaknya akan berbincang dengan Pengarah Pendidikan Perak dan pihak berkaitan membabitkan perkara berkenaan.

Kelmarin, KPM dalam kenyataannya kecewa dengan tindakan penganjur Pertandingan MUDA yang diadakan di negeri ini kerana tidak mematuhi syarat ditetapkan.

Abdul Aziz berkata, KPM hanya memberikan kebenaran penyertaan dalam kategori murid sekolah

dalam surat kelulusan kepada MUDA dan menggariskan tatacara pemakaian yang perlu dipatuhinya.

Penganjur sudah mengeluarkan kenyataan media semalam memohon maaf atas kecuaiannya menggunakan logo KPM bagi kategori dewasa tanpa kebenaran sehingga tular di media sosial.